

Lukisan Kontemporari Bertemakan ‘Dimensi 100: Ruang Dan Masa’ Sempena Sambutan 100 Tahun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Elis Syuhaila Mokhtar¹, Ida Puteri Mahsan¹, Izani Mat II¹, Nor Syazwani Mat Salleh¹

¹ Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Article History

Received:
23.09.2021

Revised:
00.10.2021

Accepted:
00.10.2021

*Corresponding Author:

Elis Syuhaila Mokhtar

Email:

elis.mokhtar@fskik.upsi.edu.my

This is an open access article,
licensed under: [CC-BY-SA](https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/)



Abstrak: Kertas ini membentangkan empat hasil karya lukisan projek tahun akhir bertemakan ‘Dimensi 100: Ruang dan Masa’ bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Seni) dengan Kepujian, Jabatan Seni dan Reka Bentuk (JSRB), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tema ini dipilih bersempena sambutan 100 tahun penubuhan UPSI. Bagi memenuhi kriteria projek, pelajar dikehendaki menghasilkan karya melalui tema yang diberi di samping meneroka kaedah-kaedah baharu yang dapat membawa perubahan kepada kelaziman studio lukisan secara kreatif dan inovatif. Kajian ini berfokus kepada empat orang pelajar major studio lukisan yang telah melaksanakan penyelidikan praktis studio melalui tiga fasa utama iaitu perkembangan idea, proses penghasilan karya, seterusnya persembahan karya. Dapatan kajian menunjukkan pelajar berjaya mensintesis tema melalui penghasilan empat buah karya lukisan kontemporari dalam bentuk eksperimentasi yang merentas disiplin bidang sains, seni persembahan, muzik dan tarian, fotografi, videografi, serta kemahiran digital sejajar dengan arus kemajuan teknologi terkini. Pameran virtual telah dilangsungkan secara talian menggunakan platform Artsteps. Karya-karya ini merupakan artifak yang dapat mencerminkan kebitaraan bakal guru seni kelahiran UPSI sebagai universiti pendidikan nombor satu di Malaysia.

Kata Kunci: Lukisan Kontemporari, Praktis Studio, Tema 100 tahun UPSI.

The Contemporary Drawings themed ‘Dimension 100: Space and Time’ in conjunction with the 100 years celebration of the establishment of Sultan Idris Education University, Malaysia

Abstract: This paper presents four drawings with the theme of ‘Dimension 100: Space and Time’ from the final year project of Bachelor in Art Education (with Honours), Department of Art and Design (JSRB), Sultan Idris Education University (UPSI). This theme was chosen in conjunction with the 100 years celebration of the establishment of UPSI. The project criteria required students to produce series of drawings which related to the given theme as well as to creatively explore the new mediums and techniques that could bring ‘changes’ to the practice of drawing studio innovatively. This paper focuses on four students from the major of drawing studios who have carried out the studio practice research through three main phases, namely the development of ideas, the process of producing work, finally, and finally, the presentation of work. The findings found that the students have successfully synthesized the themes into the production of four contemporary drawings in the form of experimentation works which are crossed disciplines of science, performing arts, music and dance, photography, videography, and digital through the latest technology influences. The virtual exhibition was held online using the Artsteps platform. These works are the artifacts that can reflect the uniqueness of UPSI’s art teachers as the number one educational university in Malaysia.

Keywords: Contemporary Drawings, Studio Practice, UPSI 100 Years Theme.



1. Pengenalan

Projek Tahun Akhir MSR3996 adalah kursus teras yang wajib lulus bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Seni) dengan Kepujian di Jabatan Seni dan Reka Bentuk (JSRB), Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak, Malaysia. Sempena sambutan 100 tahun UPSI, '*Dimensi 100 : Ruang dan Masa*' telah diangkat menjadi tema projek tahun akhir Semester A202 tahun 2020/2021. Kriteria utama projek ini menekankan kepada kebolehan pelajar menterjemahkan tema dengan menghasilkan karya yang membawa perubahan dan pembaharuan kepada kelaziman studio yang dipilih untuk menyempurnakan projek tahun akhir. Fokus kajian ini adalah kepada empat orang pelajar yang memilih major studio lukisan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat bagaimana tema diterjemahkan ke dalam sebuah karya lukisan bersempena sambutan 100 tahun penubuhan UPSI yang dapat membawa perubahan dan pembaharuan kepada kelaziman studio lukisan secara kreatif dan inovatif.

1.1. Kupasan Tema

Dewan Bahasa dan Pustaka mendefinisikan perkataan 'dimensi' sebagai ukuran saiz sesuatu seperti tinggi, panjang, lebar atau garis pusat. Dalam kata lainnya, dimensi ialah aspek yang membawa maksud sisi pandangan; jurusan pandangan seseorang terhadap sesuatu perkara [1]. Dimensi diadaptasi daripada istilah perkataan Bahasa Inggeris iaitu '*dimension*' yang bermaksud pengukuran 'ruang' berkoordinat dua dimensi (2D); berkoordinat tiga dimensi (3D) [2].

Dalam teori matematik, McGovern [3] menjelaskan idologi Einstein (1879-1955) bahawa 'ruang' dan 'masa' merupakan entiti yang sama dan kedua-dua dimensi ini saling berkait di antara satu sama lain. Hal yang demikian kerana, kita tidak akan dapat melalui ruang dengan menghentikan masa dan tidak akan dapat mengharungi masa tanpa adanya ruang [3]. Pernyataan ini dipersetujui oleh Drs Izani Mat Il M. Hum dengan mengupas tema ini dari sudut falsafah seni dan budaya bahawa dimensi ruang dan masa wujud dalam lingkungan budaya tentang manusia dan masyarakat. Beliau menyifatkan dimensi ruang vertikal (menegak) adalah konsep ketuhanan, ruang horizontal (melintang) berhubungan dengan konsep sosial, mana kala dimensi masa pula dikaitkan dengan perkara yang telah berlalu sama ada sejarah atau pengalaman seseorang. Beliau menghubungkan sejarah 100 tahun kewujudan UPSI bermula dari penubuhan Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1922, ditukarkan kepada nama Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada tahun 1957, kemudian Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) pada tahun 1987, dan akhirnya kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 1997. Ini termasuk para cendekiawan yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan tokoh-tokoh pendidikan yang telah menyumbang dalam meningkatkan kemajuan pendidikan negara. Atau, mahasiswa/mahasiswi yang sedang menimba ilmu di UPSI pada 100 tahun kemudiannya, sama ada perkara yang sedang berlaku pada masa ini, pengalaman atau perkara yang dijangkakan di masa hadapan iaitu wawasan atau cita-cita UPSI sebagai universiti pendidikan nombor satu di Malaysia [4].

1.2. Kriteria Projek

Projek ini menekankan penghasilan karya berdasarkan tema dan penerokaan idea-idea baharu yang dapat membawa perubahan kepada kelaziman studio secara kreatif dan inovatif. Secara amnya, istilah 'dimensi' digunapakai dalam konteks seni visual dimensi 'ruang' merujuk pada karya berbentuk dua dimensi (2D) mempunyai permukaan rata seperti lukisan dan catan, manakala tiga dimensi (3D) pula merujuk kepada karya arca yang boleh diukur panjang, lebar dan kedalaman, ketebalan atau ketinggiannya [5], manakala 'masa' merujuk kepada 'waktu' atau 'ketika' yang dirakam melalui penghasilan karya-karya seni bagi mempersembahkan gaya dan pemikiran manusia pada ketika itu untuk rujukan akan datang [6]. Sebagai contoh, bagi memasukkan dimensi 'masa', para seniman Barat mewujudkan dimensi ke-4 iaitu satu gaya baharu dan inovatif ke dalam karya. Pablo Picasso (1881-1973) misalnya, mempersembahkan dimensi 'masa' ke dalam karya 2D dengan menghasilkan permukaan bersata bagi mengolah pandangan subjek yang sama tetapi dari sudut pandangan berbeza dikenali sebagai aliran Kubisme [7]. Kaedah yang sama digunakan oleh Salvador Dalí (1904-1989) bagi menggambarkan dimensi 'masa' dengan mengetengahkan subjek 'alam bawah sadar' yang melampaui alam fizikal dinamakan aliran surrealisme [8]. Kedua-dua seniman ini telah membawa perubahan kepada praktis studio mereka dengan menolak unsur-unsur formal aliran realisme dan impresionisme yang pada ketika itu mengagungi faktor 'peniruan' dan 'memuji keaslian' [9].

1.3. Kajian Literatur

Membawa perubahan ke dalam praktis studio bukanlah perkara baharu. Seawal tahun 1900an, aktivis seni "*avant-garde*" menghasilkan karya-karya eksperimental dan tidak lazim bertujuan untuk mencipta pembaharuan dalam budaya dan estika seni [10]. Perubahan radikal aliran Dadanisme dengan mempersembahkan karya-karya provokatif telah mencetuskan kontroversi pada masyarakat apabila Marcel Duchamp mempersembahkan karya "LHOOQ" (1909) dengan melukiskan kumis dan janggut pada potret Monalisa. Karya ini berjaya membongkar masalah gender di ketika itu yang dirahsiakan masyarakat Eropah [11]. Perubahan ini diperkembangkan melalui karya-karya aliran Fluxus pada awal tahun 60an. Walaupun aliran ini tidak lama, pengasasnya George Maciunas (1931-1978) dan Joseph Beuys (1921-1986) dengan aktif menerapkan konsep baharu telah merubah estetika seni dengan menghasilkan karya-karya berbentuk eksperimentasi yang merakam pengalaman harian, kebebasan, ekspresi diri dan dipersembahkan melalui pertunjukan seni dan berbentuk instalasi. Tujuannya adalah untuk mendapatkan penglibatan audien agar karya yang dihasilkan dapat dihayati dengan lebih mendalam [12]. Konsep baharu ini bukan sahaja telah menyingkirkan tanggapan masyarakat yang menyatakan seni itu indah dan mahal, bahkan berjaya membawa satu ideologi bahawa proses penghasilan karya itu adalah lebih penting daripada karya itu sendiri [13].

Pada hari ini, konsep yang sama telah digunakan dan diperkembangkan lagi oleh para artis kontemporari untuk terus membawa arus perubahan ke dalam bidang seni [14], karya lukisan kontemporari khususnya. Kontemporari didefinisikan kepada sesuatu yang wujud atau berlaku dalam tempoh masa yang sama [15] ia merujuk kepada gaya dan persembahan sebuah karya yang dihasilkan mengikut peredaran masa [16] dan kehendak semasa [17]. Studio lukisan adalah praktis bagi pengkarya membuat representasi visual sesuatu objek atau imej dihasilkan menggunakan pelbagai jenis kualiti garisan sebagai elemen utama untuk melukis rupa, jalinan dan pencahayaan menggunakan media kering seperti grafit (pensel), dakwat (pen, marker), arang di atas kertas [18]. Secara dasarnya, lukisan digunakan sebagai lakaran idea [19] atau lukisan eksperimental hanya mementingkan elemen utama lukisan iaitu garisan untuk melukis rupa dan menghasilkan jalinan dengan menggunakan teknik asas seperti contengan, gestura, dan kontur sebagai praktis kajian visual sebelum menghasilkan sesebuah karya [20]. Bagi menaik tarafkan lukisan sebagai sebuah karya, kebanyakan pelukis cuba mempamerkan kemahiran melukis realisme yang tinggi [21] seperti lukisan Ahmad Zaki Anwar, Bayu Utomo Radjikin, Nasir Che Din dan artist tempatan lain. Pandangan ini berbeza pada artis-artis lukisan kontemporari yang mendalami makna lukisan secara konseptual dengan mengkaji karekteristik garisan-garisan bersifat ekspresif yang dapat menggambarkan emosi apabila dilihat oleh audien berbanding unsur-unsur lain. Pengkarya lukisan memperluaskan lagi penggunaan kaedah dan gaya persembahan lukisan tanpa batasan yang membenarkan mereka bebas berkarya, menjana idea-idea baharu dan luar biasa [22], seterusnya menghasilkan karya yang dinamik seperti karya-karya Jailani Abu Hassan, Khairudin Zainudin, Cy Twombly, Frans Klein, Peter Foucault dan ramai lagi.


1.4. Persoalan Kajian

Persoalannya, kajian ini melihat sejauh manakah pelajar tahun akhir major studio lukisan mengupas tema yang diberikan dan meneroka kaedah-kaedah baharu dalam penghasilan karya membawa perubahan kepada studio lukisan berkesesuaian dengan peredaran masa dan kehendak semasa?

2. Metodologi

Kajian ini adalah kualitatif melalui projek penyelidikan praktis studio [23] [24] yang dijalankan sepanjang semester selama 14 minggu kuliah dari bulan Mac hingga Julai 2021. Seramai empat orang pelajar tahun akhir mengambil major studio lukisan dan diselia oleh penyelia yang sama. Bagi menyempurnakan projek ini, keempat-empat pelajar telah melaksanakan proses kreatif [25] melalui tiga (3) fasa utama bermula dengan Fasa 1 iaitu proses perkembangan idea. Pelajar membuat sumbangsaran untuk mengupas tema dan membuat kajian visual iaitu menghasilkan lakaran idea dengan menerapkan elemen-elemen pembaruan untuk dibawa ke Fasa 2 iaitu penghasilan karya. Dalam fasa ini, pelajar perlu membuat eksperimentasi bahan dan teknik yang diperolehi daripada Fasa 1 dan didokumentasikan sebagai rujukan untuk penambahbaikan kepada eksperimentasi seterusnya. Fasa 2 akan mengambil masa yang agak lama yang mana proses ini akan dilakukan berulang kali sehingga pelajar mencapai kualiti hasil yang selaras dengan objektif kajian [26]. Fasa 3 pelajar mempersembahkan karya dalam bentuk pameran (lihat Rajah 1). Oleh kerana pematuhan Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bagi mengawal penularan wabak Covid-19, pameran virtual telah dilangsungkan secara talian menggunakan platform Artsteps.




Rajah 1. Kerangka Proses Kreatif Penghasilan Karya Lukisan oleh Pelajar Major Studio Lukisan bagi Kursus Projek Tahun Akhir MSR3996

3. Dapatan Kajian

Sebanyak empat buah karya lukisan bersiri telah mengupas tema yang diberikan dan meneroka kaedah-kaedah baharu yang membawa perubahan kepada kelaziman studio lukisan di UPSI. Analisis karya dibuat mengikut pernyataan peribadi pelajar menterjemahkan tema dan elemen pembaharuan yang diterapkan dalam proses penghasilan berdasarkan kerangka proses kreatif yang disediakan. Penekanan terhadap kriteria projek telah diterapkan di antara Fasa 1 dan Fasa 2 untuk pelajar meneroka elemen-elemen studio lukisan yang boleh dimanipulasi bagi membawa perubahan kepada kelaziman studio. Pelajar membuat eksplorasi dan eksperimentasi dalam fasa penghasilan karya, seterusnya mempersembahkan karya yang dihasilkan.

Karya 1 dihasilkan melalui eksperimentasi pembakaran akrilik dalam plastik sebagai ekspresi diri berjauhan dengan ibunda tercinta sepanjang pengajian di UPSI (lihat Rajah 2).



Rajah 2. Karya 1 - 'The Longing Series' (2021) menggunakan Cat Arkrilik dan PVA Rigid Sheet

Kesukaran mengawal reaksi akrilik dan plastik mencair ketika dibakar dijadikan metafora kepada perasaan kerinduan yang sukar dikawal dan sentiasa hangat dalam ingatan terhadap ibu yang jauh merentasi laut Cina Selatan di negeri Sabah. Proses eksperimentasi dijalankan bagi mengekalkan elemen utama studio lukisan iaitu 'garisan' (lihat Rajah 3). Cat akrilik dipilih sebagai bahan utama setelah pembakaran media lukisan seperti dakwat dan arang didapati tidak berjaya menghasilkan efek

garisan. Eksperimentasi diteruskan dengan pembakaran cat akrilik dalam kertas lukisan, *mounting board* dan plastik seperti pembungkus makanan, botol minuman, *PVA Rigid Sheet (PRS)* menggunakan lilin, pemetik api, seterika, alat pemanas (*heat gun*) (lihat Rajah 4). Hasil mendapati reaksi cat akrilik cepat merebak dan membentuk garisan-garisan halus apabila dibakar dengan plastik PRS menggunakan alat pemanas berbanding dengan plastik-plastik lain. Oleh itu, beberapa eksperimentasi lagi telah dijalankan untuk mendapatkan tahap kecairan cat akrilik apabila dibakar dengan plastik PRS supaya kedua-duanya tidak terus mencair bagi menghasilkan kesan garisan pelbagai dengan lebih jelas dalam penghasilan Karya 1. Hasil eksperimentasi dipersembahkan dalam bentuk instalasi.




Rajah 3. Proses Eksperimentasi Bahan dan Teknik Karya 1



Rajah 4. Hasil Eksperimentasi Bahan dan Teknik Karya 1


- Eksperimentasi 1: Plastik berwarna atas kertas dengan tekanan seterika.
- Eksperimentasi 2: Pembakaran bahan plastik atas plastik
- Eksperimentasi 3: Cat akrilik dan plastik makanan atas kertas menggunakan alat pemanas.
- Eksperimentasi 4: Cat akrilik dan plastik atas kertas menggunakan alat pemanas.
- Eksperimentasi 5: Cat akrilik atas mounting board menggunakan alat pemanas.
- Eksperimentasi 6: Cat akrilik dan plastik bungkus makanan atas kertas menggunakan alat pemanas.
- Eksperimentasi 7: Cat akrilik dan botol minuman plastik menggunakan alat pemanas.
- Eksperimentasi 8: Plastik bekas minuman menggunakan api lilin.
- Eksperimentasi 9: Cat akrilik dan PVA Rigid Sheet menggunakan alat pemanas.
- Eksperimentasi 10: Kepingan plastik tebal atas kertas menggunakan api lilin.

Karya 2 dihasilkan melalui penghayatan muzik dan tarian menggunakan teknik tekanan kaki dan tangan mengikut gerak tarian Magunatip diiringi lagu menyambut pahlawan Kaansayan Sumuku (lihat Rajah 5).



Rajah 5. Karya 2 - Siri 'Matra Kalawon' (2021) menggunakan Media Campuran

Cat disapu pada kaki dan tangan lalu menghentak dan menekapkan ke lantai seolah-olah upacara ritual pemujaan semangat moyang merupakan seorang pahlawan kaum etnik Murut di negeri Sabah. Rutin tarian ini diulangi dalam bentuk motif tatu bunga terung sebagai lambang kekuatan dan keberanian sepanjang merantau jauh menimba ilmu di UPSI. Beberapa eksperimentasi telah dijalankan bagi menghasilkan motif bunga terung antaranya mencacah tatu menggunakan mesin tatu ke atas kulit palsu silikon sebagai alternatif peralatan melukis. Percubaan ini tidak berjaya apabila pelajar mendapati jarum tatu sukar dikawal apabila dicacahkan ke atas kulit palsu dan dakwatnya pula sukar untuk dibersihkan. Proses eksperimentasi diteruskan dengan merekabentuk pelbagai tarian moden seperti *Breakdance* dan *B-Boy* dan pelbagai bahan lukisan seperti arang stik, arang yang dihancurkan, pastel minyak, cat air di atas kertas dan kanvas. Namun, pelajar mendapati bahan kering yang digunakan tidak jelas kelihatan di atas permukaan apabila melakukan banyak gerakan yang laju semasa menari (lihat Rajah 6 – Rajah 10) sebelum memilih untuk menggunakan emulsi hitam di atas getah PVC atau tikan lino. Faktor tekstur emulsi hitam yang licin dan lambat kering memudahkan gerakan tarian di atas tikan lino berbanding kertas yang mudah koyak atau permukaan kanvas yang lembut dan mudah meresap air. Teknik tekanan kaki dan tangan digunakan bagi memperlihatkan elemen garisan yang kemudian dilegapkan dengan arang bagi menjelaskan lagi motif tatu bunga terung pada karya. Sebanyak enam buah karya bersaiz besar dihasilkan dalam eksperimentasi ini dan dibingkakan. Lima karya di atas kanvas berukuran antara 6 x 6 kaki dan sebuah karya di atas tikan lino berukuran 6 x 14 kaki.



Rajah 6. Lakaran Perkembangan Idea Motif Tatu Bunga Terung Kaum Murut



Rajah 7. Eksperimentasi 1: Menghasilkan Tatu Atas Kulit Palsu Silikon Penggunaan Mesin Tatu



Rajah 8. Eksperimentasi 2: Menggunakan Pastel, Cat Air dan Arang atas Kertas



Rajah 9. Eksperimentasi 3: Menggunakan Akrilik dan Emulsion Hitam atas Kanvas



Rajah 10. Eksperimentasi 4: Menggunakan Cat Emulsion Hitam atas Tikar Lino

Karya 3 dihasilkan melalui efek fotografi daripada cahaya lampu suluh LED (*Light Emitting Diode*) yang dirakam menggunakan telefon pintar menerusi aplikasi *Long Exposure Camera 2*. Pengalaman berkurung hampir selama tiga bulan sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menjadi inspirasi kepada pelajar untuk merakamkan keletah rakan-rakan semasa menyiapkan projek tahun akhir dalam serba kekurangan di rumah sewa di UPSI (lihat Rajah 11). Pelajar mengekalkan elemen lukisan dengan menggunakan lukisan kontur menggunakan cahaya melalui teknik fotografi dikenali sebagai '*long exposure*'. Efek cahaya ini terhasil daripada penggunaan *shutter speed* perlahan untuk mendapatkan pendedahan panjang (*long exposure*) pada jumlah cahaya lebih yang masuk ke dalam sensorgrafi kamera DSLR. Kekangan untuk meminjam kamera DSLR di fakulti, pelajar telah meneroka kaedah alternatif dan menggunakan kemudahan teknologi melalui aplikasi *Long Exposure Camera 2* yang dimuat turun ke dalam talifon pintar. Proses eksperimentasi dijalankan untuk mengenal pasti sumber cahaya seperti bunga api dan pemetik api (lihat Rajah 12). Hasilnya, pelajar telah memilih lampu suluh LED kerana pancaran cahayanya yang kecil dan tajam dapat menghasilkan efek fotografi yang mempunyai nilai persamaan dengan alatan melukis. Walaupun sedemikian, teknik penghasilan garisan kontur yang berkualiti perlu dimahirkan terlebih dahulu. Oleh itu, pelajar telah membuat banyak latihan untuk menangkap garisan luar pada bentuk yang dilukis berterusan tanpa putus dan mengkaji setiap ruang dengan terperinci (lihat Rajah 13). Karya dicetak ke atas kertas foto dan dipersembahkan dalam bentuk pameran fotografi.



Rajah 11. Karya 3 - 'Collected Memories : PKP 3' (2021) Lampu suluh LED, Aplikasi Talifon Pintar Long Exposure Camera 2



8.1. Efek bunga api

8.2. Efek pemetik api

Rajah 12. Proses Eksperimentasi Bahan dan Teknik Karya 3



Rajah 13. Proses Menangkap Garisan Luar pada Rupa yang Dilukis

Karya 4 dihasilkan melalui eksplorasi terhadap penggunaan jelaga lilin dan lukisan digital bagi menggantikan media konvensional dalam disiplin studio lukisan (lihat Rajah 14). Karya ini terinspirasi dari kisah Cikgu Abdul Hadi yang dilantik oleh British sebagai guru pertama di Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1922. Pelajar cuba membuat sebuah menifestasi antara Cikgu Hadi dengan dirinya yang menuntut di institusi sama tetapi pada seratus tahun kemudiannya. Proses eksperimentasi bahan dan teknik melukis menggunakan jelaga dilakukan ke atas pelbagai permukaan seperti kertas, plastik, kaca, tetapi asap jelaga agak sukar untuk dikawal dan mudah tertanggal apabila disentuh. Pelajar telah mencari kaedah alternatif menggunakan perisian ProCreate dan mendapati efek jelaga dapat dihasilkan melalui lukisan digital (lihat Rajah 15). Pelajar seterusnya menghasilkan karya video berdurasi 1 minit 20 saat dalam bentuk motion graphic menggunakan prisian ProCreate dan Adobe After Effect. Perjuangan Cikgu Hadi dimetaforakan dengan jelaga lilin yang mana ketika itu lilin dan pelita minyak tanah digunakan sebagai sumber cahaya sebelum adanya elektrik (lihat Rajah 14-a), manakala pengalaman pelajar sebagai mahasiswa UPSI dimetaforakan menggunakan digital sebagai simbol kemajuan teknologi (lihat Rajah 14-b). Kemahiran digital ini perlu ada pada bakal guru sebagai pembangunan profesionalisme Pendidikan Seni Visual sejajar dengan matlamat pendidikan abad ke-21.

Karya pada Rajah 14(a) dipersembahkan di atas kanvas dan dibingkaikan, manakala Karya Rajah 14(b) dipersembahkan dalam bentuk video yang dipancarkan ke dinding menggunakan projektor.



Rajah 14. (a) Karya 4-a – ‘The Birth’ (2021) Jelaga Lilin, Akrilik, Bitumen Di Atas Kanvas
(b) Karya 4-b – ‘The Rebirth’ (2021) Video, Prisian ProCreate dan Adobe After Effect



10.1. Melukis menggunakan jelaga lilin



10.2. Lukisan digital menghasilkan efek jelaga lilin



10.3. Proses menghasilkan lukisan digital

Rajah 15. Proses Eksperimentasi Bahan dan Teknik Karya 4 (10.1, 10.2 dan 10.3)

4. Perbincangan

Hasil dapatan menunjukkan kesemua karya dihasilkan berbentuk ekspresi diri dan eksperimentasi. Dalam pengupasan tema, keempat-empat pelajar telah memilih untuk memperihalkan perkara yang sedang berlaku pada masa ini sebagai kaitannya dengan 100 tahun kewujudan UPSI berbanding dengan yang lain. Karya 1 mengekspresikan perasaan kerinduan kepada ibunda tercinta sepanjang pengajiannya di UPSI, Karya 2 mengekspresikan kekuatan dan keberanian yang diperoleh dari semangat moyangnya seorang pahlawan Murut sepanjang merantau jauh untuk menimba ilmu di UPSI, Karya 3 mengekspresikan suka duka selama hampir tiga bulan terkurung sewaktu PKP bersama rakan-rakan di rumah sewa menyiapkan projek tahun akhir di UPSI, dan Karya 4 mengekspresikan kekagumannya kepada tokoh pendidik pada tahun 1922 dengan dirinya iaitu bakal guru yang menuntut di institusi sama pada seratus tahun kemudiannya. Ini menunjukkan pelajar peka dengan tema yang diberikan dan mengupasnya dengan pengalaman mereka sebagai mahasiswa yang menimba ilmu di UPSI.

Bagi memenuhi kriteria projek, kesemua karya telah dihasilkan dalam bentuk eksperimentasi dengan menekankan kepada elemen-elemen lukisan yang boleh dimanipulasi untuk meneroka kaedah-kaedah baharu dari segi penggunaan bahan dan teknik. Proses eksperimentasi dijalankan dalam berbentuk kajian saintifik untuk memahami karekteristik bahan dan teknik yang digunakan bagi mengekalkan elemen-elemen lukisan secara sistematik. Contohnya, Karya 1 cuba mengeksplorasi sifat garisan melalui pembakaran akrilik dalam plastik. Pelajar membuat eksperimentasi dengan mengkaji reaksi bahan kimia yang terkandung di dalam akrilik dan plastik untuk mendapatkan efek pembakaran yang dapat membentuk garisan yang merupakan elemen asas studio lukisan. Begitu juga dengan Karya 2, pelajar membuat eksperimentasi untuk mengenal pasti karekteristik arang, cat air, pastel, cat akrilik dan emulsi. Pelajar membandingkan reaksi bahan-bahan ini ke atas kertas, kanvas dan tikar lino bagi mendapatkan bahan yang sesuai dan licin bagi memudahkan pergerakannya untuk menghasilkan garisan-garisan spontan semasa menari. Selain daripada itu, pelajar memasukkan elemen seni persembahan, muzik dan tarian melalui teknik tekanan tangan dan kaki untuk menghasilkan tanda pada permukaan lukisan. Pelajar menjadi koreografer dan audiografer untuk mereka bentuk tarian dengan muzik yang sesuai agar hentakkan kaki dan tekanan tangan yang dibuat ketika menari dapat membentuk motif bunga terung yang dipilih. Secara tidak langsung, rutin tarian yang dibuat berulang kali telah menciptakan satu ritual berunsur psikedelik dan mistik, di samping menghasilkan cetakan-cetakan yang kemudian kemaskan dengan arang.

Berlainan dengan Karya 3 dan 4, kedua-dua karya mengekalkan teknik penghasilan lukisan menggunakan peralatan tetapi bukan kelaziman. Contohnya Karya 3, pelajar cuba menghasilkan lukisan kontur, iaitu teknik asas melukis daripada rakaman cahaya menggunakan efek fotografi selain daripada peralatan lazim studio lukisan seperti pensel, pen atau arang. Kekangan yang dihadapi sepanjang PKP untuk meminjam kamera DSLR dari fakulti, pelajar mencari jalan alternatif menggunakan talifon pintar melalui aplikasi *Long Exposure Camera 2* untuk menghasilkan lukisan cahaya. Pelajar telah memasukkan elemen fotografi ke dalam karya lukisan dan mendapati melukis menggunakan cahaya adalah lebih sukar berbanding dengan peralatan melukis. Ianya tertakhluk kepada kemahiran mengawal peralatan merakam, jenis cahaya yang digunakan dan kesan khas fotografi yang dihasilkan memerlukan latihan intensif. Penggunaan cahaya sebagai alternatif dapat mempertingkatkan lagi kemahiran melukis menggunakan teknik lukisan kontur iaitu dengan menghasilkan garisan tanpa putus yang lebih bagus berbanding peralatan lukisan. Begitu juga dengan Karya 4, pelajar pada mulanya cuba membuat eksplorasi bahan dan teknik melukis menggunakan jelaga lilin. Berdasarkan daripada eksperimentasi yang dijalankan, pelajar dapati jelaga agak sukar untuk dikawal dan mudah tertanggal apabila disentuh. Bagi mengawal asap jelaga, ia memerlukan tempat yang sesuai seperti di studio untuk menjaga hembusan angin termasuk hembusan nafas agar jelaga itu dapat membentuk garisan mengikut subjek yang dilukis. Kekangan ke studio sepanjang PKP telah memberi peluang untuk pelajar membuat penerokaan alternatif dan mendapati efek jelaga dapat dihasilkan melalui lukisan digital. Pelajar mengambil keputusan untuk menghasilkan lukisan digital menggunakan perisian *ProCreate* yang kemudiannya diubahsuai sebagai sebuah video dalam bentuk *motion graphic* menggunakan perisian *Adobe After Effect*.

5. Kesimpulan

Pelajar tahun akhir major studio lukisan telah berjaya mensintesis tema *Dimensi 100: Ruang dan Masa* ke dalam karya bagi sambutan 100 tahun penubuhan UPSI secara kreatif dan inovatif. Melalui eksplorasi dan proses eksperimentasi, pelajar berjaya meneroka kaedah-kaedah baharu yang merentas

disiplin bidang sains, seni persembahan, muzik dan tarian, fotografi dan videografi. Para pelajar major studio lukisan menjadi saintis, koreografer, fotografer dan audiografer, dan videografer bagi mengekalkan elemen utama dalam studio lukisan iaitu penggunaan garisan, rupa, pencayaan dan media kering untuk menghasilkan karya-karya yang unik dan dinamik. Karya-karya yang dihasilkan jelas mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian dengan memperlihatkan kriteria projek yang ditekankan. Penghasilan karya-karya bersifat kontemporari menunjukkan pelajar telah memperluaskan lagi kaedah melukis, penggunaan bahan, teknik dan gaya persembahan yang bersesuaian dengan peredaran masa dan kehendak semasa selaras dengan arus kemajuan dan teknologi terkini.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada empat pelajar major studio lukisan Kursus Projek Tahun Akhir MSR3996 semester A202 2020/2021 iaitu Maizuriyah Binti Mohamad, Jerrymie Macklis Jamulis, Azul Bin Jusmin dan Jeffson Anak Angkin Repin.

Rujukan

- [1] DBP, "Dewan Bahasa dan Pustaka," 2017. [Online]. Available: <https://prpm.dbp.gov.my/> . [Accessed 19 Feb 2021].
- [2] Merriam-Webster, "American Dictionary," 2021. [Online]. Available: <https://www.merriam-webster.com/> . [Accessed 19 Feb 2021].
- [3] B. McGovern, *Space and Time: Einstein's Special Theory of Relativity*, CA: CreateSpace Independent Publishing Platform, 2016.
- [4] I. M. Il, Interviewee, Falsafah Dimensi. [Interview]. 24 Januari 2021.
- [5] S. Bleicher, *Art and Design Fundamentals*, NY: Oxford University Press, 2021.
- [6] B. Burt, *World Art: An Introduction to the Art in Artefacts*, London: Bloomsbury Academic, 2013.
- [7] C. Ambrosio, "Cubism and the Fourth Dimension," *Interdisciplinary Science Reviews: Some Significances of the Two Cultures Debate*, vol. 41, no. 2-3, pp. 202-221, 2016.
- [8] T. F. Banchoff, *Salvador Dalí and the Fourth Dimension*. USA: Brown University, 2014.
- [9] L. D. Henderson, "The Image and Imagination of the Fourth Dimension in Twentieth-Century Art and Culture," *Configurations*, vol. 17, no. 1-2, pp. 131-160, 2009.
- [10] D. Cottington, *The Avant-Garde: A Very Short Introduction*. Oxford: Oxford University Press, 2013.
- [11] A. Breton, H. Ball and L. Russolo, *Surrealism, Dadaism, Musique Concrete: Three Manifestos*. Morrisville: Lulu Press, Inc, 2019.
- [12] J. Baas, and Fluxus, *the Essential Questions of Life*. Chicago: University Of Chicago Press, 2011.
- [13] N. Harren, *Fluxus Forms: Scores, Multiples, and the Eternal Network*. Chicago: University of Chicago Press, 2020.
- [14] Phaidon, *Vitamin D3: Today's Best in Contemporary Drawing*. NY: Phaidon Press, 2021.
- [15] T. Smith, *What Is Contemporary Art?*. Chicago: University of Chicago Press, 2009.
- [16] J. Stallabrass, *Contemporary Art: A Very Short Introduction*, 2nd Edition ed. Oxford: OUP Oxford, 2020.
- [17] C. Soares and E. Simão, *Multidisciplinary Perspectives on New Media Art (Advances in Media, Entertainment, and the Arts)*. Hershey, PA: GI Global, 2020.
- [18] J. Ducuron, *Technical Dictionary Of The Drawing And Painting: Techniques And Methods Theory And Practice Works Analysis*. Rio: Julio Ducuron, 2021.
- [19] C. Ashwin, "What is a drawing?," *Drawing: Research, Theory, Practice*, vol. 1, no. 2, pp. 197-209, 2016.
- [20] R. Kaupelis, *Experimental Drawing, 30th Anniversary Edition ed.*. NY: Watson-Guptill Publications Inc., 1992.
- [21] M. Crilley, *The Realism Challenge: Drawing and Painting Secrets from a Modern Master of Hyperrealism*. NY: Watson-Guptill Publication, 2015.
- [22] Tracey, *Drawing Ambiguity: Beside the Lines of Contemporary Art*. LE: I.B.Tauris , 2015.

- [23] M. K. Baharom and S. E. S. Abdul Jamil, "Studio Project on the Sculpture Entitled Retrospection and Prodigy Series," *Ideology Journal*, vol. 6, no. 1, pp. 27-34, 2021.
- [24] M. F. Puadi, "Studio Investigation: An Approach in Studio-Based Research," *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, vol. 12, no. 3, pp. 846-851, 2021.
- [25] T. Lubart, *The Creative Process: Perspectives from Multiple Domains*,. London: Palgrave Macmillan, 2018.
- [26] E. Bippus, *Artistic Experiments as Research in Experimental Systems: Future Knowledge in Artistic Research*, M. Schwab, Ed.. Leuven: Leuven University Press, 2015.